

CNS3421

U GB 19-05 00181 BA482

aab

Mahathir - Inflasi (Bergambar)

ELAK KEHANCURAN EKONOMI DENGAN BENDUNG INFLASI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata semua pihak perlu memainkan peranan membendung inflasi dan memastikan kestabilan matawang negara bagi mengelakkan kehancuran ekonomi.

Perdana Menteri berkata usaha seumpama itu penting kerana jika tidak semua pihak -- rakyat, peniaga, bank, kerajaan dan negara -- akan menderita.

"Dalam keadaan huru-hara dan tidak menentu berkaitan soal inflasi dan nilai matawang, ekonomi akan hancur," katanya ketika berucap melancarkan Hari Pengguna Sedunia dan Kempen Anti Inflasi anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna di Pusat Islam di sini.

Beliau berkata banyak kegiatan yang boleh menyebabkan inflasi meningkat termasuk percubaan peniaga untuk meraih keuntungan besar dengan menaikkan margin di antara harga belian dengan harga jualan.

Golongan peniaga itu juga perlu ingat bahawa tindakan mereka itu bukan sahaja akan menaikkan inflasi tetapi juga menjejaskan kuasa membeli mereka sendiri sebagai pengguna kerana pengusaha lain juga akan turut melakukan perkara yang serupa, katanya. -- Lagi.

♥19/05/12-52MST

U GB 19-05 00185 BA483

aab

Mahathir - Inflasi 2 Kuala Lumpur

"Dengan itu margin mereka akan turun semula kepada tahap asal atau lebih rendah lagi," katanya.

Inflasi akan meningkat lebih tinggi jika margin terus dinaikkan untuk menidakkan kesannya, kata beliau.

Dr Mahathir berkata keadaan itu berlaku di sesetengah negara yang cuba menangkis inflasi dengan kenaikan harga sehingga inflasi meningkat ke tahap 1,000 peratus dan menyebabkan simpanan merosot kerana rakyat hilang kepercayaan kepada matawang sebagai pengukur nilai.

Apabila keadaan ini berlaku, nilai pendapatan pekerja turut merosot dan kesan yang serupa akan berlaku sekiranya masalah itu cuba diatasi dengan menaikkan gaji pekerja.

Walaupun mengakui upahan bagi pekerja di Malaysia harus dinaikkan, beliau menekankan perlunya kenaikan itu dilakukan secara berhati-hati supaya negara ini tidak kehilangan dayaasaing dan menyebabkan inflasi.

"... hanya jika inflasi tidak berlaku barulah kenaikan pendapatan bermakna," kata beliau.

Perdana Menteri berkata semua pihak perlu menyambut baik kenaikan upah di Malaysia yang tidak dapat dielakkan akibat kelebihan peluang pekerjaan walaupun keadaan itu mungkin menyebabkan inflasi dan barangan tempatan kurang kompetitif di luar negara. -- lagi.

♥19/05/13-00MST

R GB 19-05 00162 BA487

aab

Mahathir - Inflasi 3 Kuala Lumpur

Dalam hal ini, katanya, penggunaan pekerja asing bukan caranya bagi mengatasi masalah kerana kaedah lebih berkesan ialah meningkatkan daya pengeluaran pekerja melalui didikan dan latihan.

Selain daripada itu juga beliau mahukan prestasi pengeluaran diperbaiki dengan meningkatkan sistem urusan serta penggunaan automasi dan robot dan berpindah kepada industri yang memerlukan modal, pengetahuan dan kepakaran yang lebih intensif.

Dr Mahathir berkata melalui cara itu nilai matawang tidak akan turun dan inflasi tidak akan meningkat kerana walaupun upah dinaikkan, nilai ditambah dan daya persaingan akan berterusan.

Untuk itu beliau menyarankan agar industri yang terlalu bergantung kepada tenaga kerja, dipindahkan ke negara-negara yang mempunyai pengangguran yang tinggi.

Menyentuh mengenai peranan pengguna, beliau berkata secara berkumpulan mereka boleh menghapuskan pelbagai amalan tidak sihat perdagangan secara lebih berkesan.

"Bersama dengan kerajaan mereka boleh bergerak dan bertindak secara yang boleh menguntungkan mereka dan menyelamatkan negara," katanya. -- lagi

▼19/05/13-36MST

CNS3462

R GB 19-05 00210 BA492

aab

Mahathir - Inflasi 4 (akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata pengguna mempunyai kuasa amat besar kerana hanya dengan bertindak membeli atau tidak, mereka boleh menguntungkan atau merugikan sesuatu perniagaan.

Kuasa itu, katanya, jika digunakan dengan bijak bukan sahaja mendatangkan kebaikan kepada pengguna tetapi turut memajukan negara.

Dr Mahathir berjanji kerajaan akan terus memerangi inflasi yang menjejaskan taraf hidup rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dan tidak menentu serta yang berpendapatan tetap seperti pesara kerana merekalah yang paling mudah terjejas apabila masalah kepenggunaan dan inflasi melanda negara.

Sebagai usaha berterusan untuk melindungi pengguna, beliau berkata kerajaan sedang menggubal Akta Perlindungan Pengguna membabitkan urusan jual beli serta mutu barang-barang di samping dasar pengguna negara khususnya bagi menjaga kepentingan pengguna.

Beliau berkata langkah ini perlu diambil memandangkan kadar inflasi, yang turun ke tahap 3.6 peratus pada tahun lepas daripada 4.7 peratus pada 1992, kini meningkat kembali dalam suku pertama tahun ini kepada 4.5 peratus berdasarkan kepada Angka Tunjuk Harga Pengguna.

"Kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk menentukan pertumbuhan pesat negara berjalan dalam suasana harga barangan dan perkhidmatan yang rendah dan stabil kerana kerajaan percaya kestabilan harga merupakan tunggak dalam usaha ke arah pembangunan yang berterusan," katanya.

-- Bernama

JO NMO